

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN RAKYAT**  
**MESYUARAT KEDUA PENGGAL KEDUA,**  
**PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

---

**PERTANYAAN : LISAN**

**DARIPADA : YB TUAN LARRY SOON @ LARRY SNG  
WEI SHIEN [ JULAU ]**

**TARIKH : 16 JULAI 2019 (SELASA)**

**SOALAN NO. 15**

Minta **MENTERI SUMBER MANUSIA** menyatakan jumlah pekerja *precarial* yakni pekerja yang bekerja bebas atau *freelance*, tanpa kontrak jangka masa panjang atau pekerjaan kekal di negara ini dan adakah Kerajaan bercadang untuk menggubal akta khusus untuk melindungi hak mereka.

**JAWAPAN**

Tuan Yang di-Pertua,

1. Kerajaan sentiasa ingin memberikan perlindungan sosial yang terbaik kepada semua golongan pekerja sama ada pekerja yang mempunyai majikan mahu pun individu yang bekerja sendiri atau bekerja secara bebas seperti mana dinyatakan oleh Yang Berhormat.

2. Untuk makluman Dewan yang mulia ini, pewujudan undang-undang buruh seperti Akta Kerja 1955 adalah untuk mengawal hubungan majikan dan pekerja. Setiap terma yang termaktub dalam kontrak perkhidmatan antara majikan dan pekerja hendaklah mematuhi standard minimum peruntukan undang-undang. Undang-undang telah menjamin perkara-perkara seperti upah, tempoh masa

## SOALAN NO: 15

bekerja, cuti dan sebagainya. Oleh itu, individu yang bekerja sendiri adalah tidak tertakluk kepada undang-undang buruh kerana golongan ini tidak memasuki kontrak pekerjaan dengan mana-mana majikan.

3. Walaupun individu yang bekerja sendiri atau bekerja secara bebas atau *freelance* tidak diliputi di bawah Akta Kerja 1955, Kerajaan telah mengambil langkah memperkenalkan Akta Keselamatan Sosial Pekerjaan Sendiri 2017 [Akta 789] mulai 13 Jun 2017 yang lalu. Akta 789 menawarkan Skim Bencana Kerja Pekerjaan Sendiri (SBKPS) yang ditadbir oleh Pertubuhan Keselamatan Sosial (PERKESO) bagi memberi perlindungan keselamatan sosial kepada pencarumnya.

4. Pada peringkat awal pelaksanaan, SBKPS hanya meliputi perusahaan perkhidmatan pengangkutan penumpang seperti diperuntukkan dalam Jadual Pertama, Akta 789 sebelum dipanjangkan kepada sektor informal yang lain.

5. Buat masa ini, tiga peraturan telah diwartakan bagi menghendaki pemandu teksi, pemandu perkhidmatan *e-hailing* dan pemandu bas yang bekerja sendiri mencarum di bawah SBKPS untuk memberi perlindungan keselamatan sosial kepada mereka yang mana aktiviti pekerjaan tersebut berhadapan dengan risiko pekerjaan seperti kemalangan jalan raya dan penyakit pekerjaan.

6. Menyedari bahawa perlindungan sosial kepada individu yang bekerja sendiri adalah amat penting, Kerajaan dari semasa ke semasa akan memperluaskan perlindungan di bawah SBKPS ini kepada individu yang bekerja sendiri dalam sektor lain secara berperingkat.